



Lengkapi peta berganda berikut dengan unsur-unsur makronutrien dan mikronutrien dalam tumbuhan.



Rajah di bawah menunjukkan susunan radas bagi eksperimen untuk mengkaji kesan kekurangan nutrien tertentu ke atas pertumbuhan anak benih. Lengkapkan jadual berikutnya dengan menulis label tabung uji yang bersesuaian dengan pemerhatian selepas dua minggu radas tersebut diletakkan di bawah cahaya matahari.



Tabung uji	Pemerhatian anak benih selepas dua minggu
A	Pertumbuhan yang sihat
	Daun di bahagian bawah berwarna hijau pucat atau kuning (kurang klorofil atau klorosis)
	Daun di bahagian bawah berwarna hijau kebiruan, bergulung dan tepi daun berwarna perang
	Pertumbuhan tumbuhan terbantut
	Daun di bahagian atas bertompok perang, hujung bergulung dan klorosis

Nyatakan dua faktor selain nutrien yang mempengaruhi pertumbuhan anak benih.

1. _____
2. _____


2.3	KITAR NITROGEN	Buku Teks,ms 62-65
-----	----------------	--------------------

Kitar nitrogen ialah kitar semula jadi yang mengitarikan unsur _____ antara tumbuhan dengan haiwan dan seterusnya di atmosfera, tanah dan air.

Walaupun kira-kira 78% komposisi udara terdiri daripada gas nitrogen, _____ tidak dapat menyerap gas nitrogen secara langsung daripada udara.

Tumbuhan hanya dapat menyerap nitrogen dalam bentuk _____ daripada tanah melalui akarnya

Terdapat dua proses dalam kitar nitrogen, iaitu proses _____ ion nitrat ke dalam tanah dan proses _____ ion nitrat daripada tanah



Berdasarkan kitar nitrogen dalam rajah di atas nyatakan proses penambahan ion nitrat ke dalam tanah atau proses penyingkiran ion nitrat daripada tanah.

Proses	Proses yang terlibat
P	
Q	
R	
S	
T	

